KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
*Secretary General*
*Ministry Of Youth And Sports*
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

Tel : +603-8871 3317/3018
Faks : +603-8888 8719

KBS.KSU:1-1/107 Jld.6(10)
Tarikh: 7 Mac 2022

**YBrs. TUAN RAM GANESAN KARTHIGASU**
**Pengerusi**
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
**SELANGOR DARUL EHSAN**

YBrs. Tuan,

**JEMPUTAN BERSAMA YB MENTERI BELIA DAN SUKAN DALAM LAWATAN KERJA KE UNITED KINGDOM (UK) DAN AMERIKA SYARIKAT (USA) DARI 30 MAC SEHINGGA 16 APRIL 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas serta surat YBrs. Tuan bertarikh 7 Mac 2022 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBrs. Tuan, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ingin *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) menyertai delegasi YB Menteri Belia dan Sukan kerana penyertaan MPC penting dalam pertemuan dengan pengurusan AEG Worldwide dan rakan kongsinya ASM Global yang merupakan dua entiti yang menerajui industri pengurusan arena stadium dan kemudahan awam bertaraf dunia.

3. Selanjutnya, lawatan kerja ini adalah selaras dengan visi KBS untuk mengoptimumkan secara komersil aset yang kini dimiliki oleh Perbadanan Stadium Malaysia. Ini termasuk pelaburan asing yang berpotensi dan perkongsian dengan syarikat seperti AEG Worldwide dan ASM Global. Kepakaran MPC dalam lawatan kerja ini dapat memudahkan pelaburan berskala besar ke Malaysia, dan peranan MPC dalam berurusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Perbandaran



Scanned with CamScanner

akan menjadi penting kerana kebanyakan stadium kami kini berada di bawah pengurusan PBT.

4. Sehubungan dengan itu, dilampirkan bersama-sama surat ini adalah jadual lawatan kerja untuk rujukan YBrs. Tuan. Perhatian dan kerjasama YBrs. Tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' JANA SANTHIRAN MUNIAYAN)**

Scanned with CamScanner

**LAWATAN KERJA YB MENTERI BELIA DAN SUKAN KE UNITED KINGDOM & AMERIKA SYARIKAT 30 MAC – 16 APRIL 2022**

| Tarikh | Masa | Perkara | Penerbangan | Ulasan |
|---|---|---|---|---|
| 1 April 2022 | ETD 2020<br>ETA 2320 | **Ketibaan di John F. Kennedy International Airport (JFK) New York** | American Airlines | |
| 2 April 2022 (Sabtu) | 1100 – 1500 | Sesi perjumpaan strategik dengan Executive Vice President serta barisan pengurusan ASM Global, Venue Development<br><br>Makan Tengahari bersama barisan pengurusan AEG Global<br><br>(Pengerusi MPC hadir bersama) | | |
| 3 April 2022 (Ahad) | 1730-1930 | Perjumpaan dengan Malawakil New York & Majlis Berbuka Puasa bersama Kelab Pelajar Malaysia di New York<br><br>(Pengerusi MPC dipelawa hadir bersama) | | |
| 5 April 2022 (Selasa) | 1400-2100 | - Lawatan Kerja ke Stadium Barclays Centre, Brooklyn bersama barisan pengurusan ASM dan AEG<br><br>(Pengerusi MPC hadir bersama) | | |
| 6 April 2022 (Rabu) | ETA 1020<br>ETD 2210 | **Berlepas dari John F. Kennedy International Airport (JFK)**<br><br>**Ketibaan di Heathrow Airport, London (LHR)**<br><br>- | American Airlines | |
| 7 April 2022 (Khamis) | 1000-1100<br><br><br>1630-1830 | *Courtesy call* to *Minister for Sport and Civil Society*, United Kingdom<br><br>(Pengerusi MPC dipelawa hadir bersama)<br><br>Pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia & Majlis Berbuka Puasa bersama Pelajar Malaysia di London. | | |

Scanned with CamScanner

**LAWATAN KERJA YB MENTERI BELIA DAN SUKAN KE UNITED KINGDOM & AMERIKA SYARIKAT 30 MAC – 16 APRIL 2022**

| Tarikh | Masa | Perkara | Penerbangan | Ulasan |
|---|---|---|---|---|
| | | (Pengerusi MPC dipelawa hadir bersama) | | |
| 9 April 2022 (Sabtu) | 1000 – 1300<br><br>1500-2100 | Perjumpaan strategic bersama pihak pengurusan AEG London<br><br>Lawatan kerja ke O2 Stadium, AEG sports arena<br><br>(Pengerusi MPC hadir bersama) | | |

**Nota:**

Waktu:

(i) Kuala Lumpur, Malaysia (GMT +8)
(ii) London, United Kingdom (GMT 0)
(iii) New York, USA (GMT -5)

Scanned with CamScanner